



Projek Learning Circles Pimpinan Guru: Kerangka Kajian

Danielle LaPointe-McEwan
Carol Campbell
Christopher DeLuca

Jun 2022



Tentang Penulis:

Carol Campbell

Adalah seorang Profesor Leadership and Educational Change dan Associate Chair Department Leadership, Higher and Adult Education, di Ontario Institute for Studies in Education, University of Toronto, Canada. Bidang beliau termasuk: perubahan berskala besar dan penambahbaikan sekolah; dan penggunaan bahan bukti untuk membentuk polisi dan amalan. Dr Campbell adalah ahli International Council of Education Advisors for the Scottish Government, dan merupakan fasilitator bebas bersama untuk Persidangan Kebangsaan untuk visi masa hadapan pendidikan di Scotland. Beliau juga merupakan Profesor Pelawat di School of Education, University of Glasgow. Pada tahun 2020, Dr. Campbell telah menerima anugerah the Canadian Teachers' Federation Public Education Advocacy atas dedikasi dan perkhidmatan beliau serta sumbangan besar terhadap bidang pendidikan kebangsaan. Beliau telah menulis beberapa buku iaitu: Teacher Learning and Leadership: Of, By and For Teachers, Empowered Educators in Canada, and Empowered Educators: How High Performing Systems Shape Teaching Quality Around the World. Dr Campbell aktif berkongsi di Twitter melalui @CarolCampbell4

Christopher DeLuca

Adalah seorang Profesor dalam bidang Classroom Assessment (Pentaksiran Bilik Darjah) di Faculty of Education, Queen's University (Kingston, Canada). Dr. DeLuca mengetuai kumpulan penyelidikan Classroom Assessment dan Pengarah Queen's Assessment and Evaluation Group. Penyelidikan Dr. DeLuca berfokuskan titik temu antara pentaksiran, kurikulum, dan pedagogi di dalam konteks sekolah dan pendidikan berasaskan prestasi. Bidang tugas beliau berfokus terhadap memberi sokongan kepada guru untuk mempertingkatkan amalan kritikal ini untuk menambahbaik kualiti pembelajaran murid. Dr. DeLuca telah memegang jawatan sebagai Chair untuk American Educational Research Association's Classroom Assessment SIG, Presiden untuk Canadian Educational Researchers' Association, dan Editor untuk Canadian Journal of Education. Dr. DeLuca adalah seorang Executive Editor untuk jurnal, Assessment in Education: Principles, Policy and Practice.

Danielle LaPointe-McEwan

Adalah seorang Profesor Adjunct di Faculty of Education, Queen's University (Kingston, Canada) dan ahli aktif Queen's Assessment and Evaluation Group. Bidang penyelidikan Dr. LaPointe-McEwan bertumpukan kepada membentuk hasil pembelajaran profesional untuk pendidik dan murid K-12, serta kepakaran khusus tentang bagaimana data program dan kelas, seperti video, digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada setiap peringkat persekolahan dan pengajian tinggi. Selain itu, beliau juga telah mengetuai pelbagai program penilaian pendidikan, bekerjasama dengan erat bersama sekolah-sekolah, jaringan pendidikan, Kementerian Pendidikan, serta organisasi untuk memperkuatkan amalan berasaskan bukti dan hasil program yang bermanfaat untuk pemegang taruh. Dalam semua kerja beliau, Dr. LaPointe-McEwan memberi prioriti terhadap membina perhubungan yang rapat untuk menyokong usaha penyelidikan dan amalan serta membawa kepada perubahan terhadap sistem pendidikan, guru dan murid.

Education International (EI)

Education International mewakili organisasi guru dan petugas pendidikan lain di seluruh dunia. Education International merupakan gabungan terbesar persatuan dan kesatuan guru, mewakili lebih tiga puluh juta dari lebih empat ratus organisasi dari seratus tujuh puluh negara dan wilayah di serata dunia. Education International menyatukan guru dan semua petugas pendidikan.



Projek Learning Circles Pimpinan Guru: Kerangka Kajian

Danielle LaPointe-McEwan,
Carol Campbell, and
Christopher DeLuca



Jun 2022



This work is licensed under a Creative
Commons Attribution-NonCommercial-
ShareAlike 4.0 International License.
(CC BY-NC-SA 4.0)

Published by Education International - Oct. 2022
ISBN 978-92-95120-52-5 (PDF)

Penghargaan:

Kami ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jacobs Foundation kerana membiayai projek Teacher-Led Learning Circles dan Education International kerana mempercayai kami untuk mengetuai kajian penyelidikan antarabangsa ini. Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua ahli Education International, the Jacobs Foundation, HertsCam, kumpulan penyelidik kebangsaan, dan wakil kesatuan tempatan yang telah banyak memberi sumbangan terhadap kejayaan penerbitan ini.

Senarai Kandungan

Pendahuluan	1
Konteks Learning Circles Pimpinan Guru	2
Gambaran Keseluruhan Kajian	4
Soalan Kajian	5
Metodologi	6
Pemetaan Soalan Kajian kepada Sumber Data Antarabangsa	7
Lampiran	8
Pra/Pasca Kerangka Survey Guru	8
Kerangka Laporan Kebangsaan	9
Soalan Pelan Tindakan Guru	11
Soalan Refleksi Guru	12



Pendahuluan

Projek Learning Circles Pimpinan Guru merupakan projek yang dikelolakan oleh Education International menggunakan dana daripada Jacobs Foundation. Matlamat utama projek ini adalah untuk mengenal pasti, mengekodkan, dan menyebarkan amalan pentaksiran formatif efektif untuk menyokong pembelajaran murid. Matlamat ini amat penting dan bersesuaian dengan situasi semasa untuk membantu guru beradaptasi dengan cabaran global yang sedang mereka hadapi di dalam bilik darjah kesan daripada pandemic COVID-19 yang telah melanda. Projek ini akan dijalankan selama tiga tahun dan melibatkan tujuh negara: Brazil, Columbia, Côte d'Ivoire, Ghana, Malaysia, South Korea, dan Switzerland. Projek ini merangkumi penglibatan di dalam proses Learning Circles Pimpinan Guru untuk menyokong pembentukan profesional guru, kepimpinan guru, serta sebagai proses inkuiri untuk guru mengaplikasi, refleksi, dan mengadaptasi amalan taksiran formatif di dalam bilik darjah. Peserta projek merangkumi guru, fasilitator tempatan, wakil kesatuan setempat, penyelidik tempatan, fasilitator antarabangsa, dan penyelidik antarabangsa.


ama projek berjalan, penyelidik dan fasilitator antarabangsa akan bekerjasama dengan Education International untuk merangka alat bantuan pembelajaran profesional, kerangka kajian, dan sumber tambahan untuk membimbing proses Learning Circles Pimpinan Guru dan kajian yang berkaitan dengan projek. Penyelidik antarabangsa, dengan Kerjasama penyelidik tempatan akan merangka kerangka kajian yang menyeluruh. Penyelidik tempatan akan merancang pelan penyelidikan di negara masing-masing dan menyusun Profil Negara. Pada tahun kedua, projek ini akan melibatkan tiga kumpulan Learning Circles di setiap negara, memberi dorongan pembentukan identiti profesional dan kepimpinan guru untuk memupuk pemahaman dan amalan pentaksiran formatif. Akhir sekali, pada tahun ketiga projek, penyelidik antarabangsa dan tempatan akan melakukan analisis dan pengekodan terhadap data yang diperoleh semasa tahun pertama dan kedua, seterusnya melaporkan dapatan kajian pada kedua-dua peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tujuan laporan yang disediakan oleh penyelidik antarabangsa ini adalah untuk memperincikan konteks kajian Learning Circles Pimpinan Guru dan kerangka kajian yang berkaitan.

Konteks Learning Circles Pimpinan Guru

Projek Learning Circles Pimpinan Guru akan merangkumi konteks bilik darjah, kebangsaan dan antarabangsa di tujuh negara: Brazil, Columbia, Côte d'Ivoire, Ghana, Malaysia, Korea Selatan, dan Switzerland (rujuk Rajah 1). Di setiap negara, projek ini akan menumpukan kepada tiga kumpulan Learning Circles selama tempoh satu tahun persekolahan (Tahun Kedua projek) untuk memupuk pembentukan identity profesional dan kepimpinan guru berdasarkan minat masing-masing terhadap amalan pentaksiran formatif yang inovatif dan komitmen terhadap proses Learning Circles Pimpinan Guru. Rajah 1 memberi gambaran keseluruhan Projek Learning Circles Pimpinan Guru di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan bilik darjah.

Rajah 1. Peserta Projek Learning Circles Pimpinan Guru di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan dan Bilik Darjah



Setiap Learning Circle akan terdiri daripada sepuluh guru, dua fasilitator tempatan, dan satu wakil kesatuan setempat. Secara keseluruhan, projek ini akan melibatkan 21 Learning Circles (3 setiap negara), 210 guru (10 setiap Learning Circle; 30 untuk setiap negara), 42 fasilitator tempatan (2 setiap Learning Circle; 6 setiap negara), dan 21 wakil kesatuan setempat (1 setiap Learning Circle; 3 setiap negara). Jumlah tempat peserta mungkin akan berubah selari dengan perkembangan projek.

Fasilitator dan wakil kesatuan tempatan akan dilatih dan dibantu oleh fasilitator antarabangsa daripada HertsCam Network, sebuah organisasi antarabangsa yang mempunyai program pembangunan guru yang mampan. Pada permulaan projek, fasilitator antarabangsa HertsCam akan menjalankan sesi latihan secara maya bersama 42 fasilitator tempatan dan 21 wakil kesatuan setempat; ini termasuk latihan untuk proses Learning Circles Bimbingan Guru dan pemberian toolkit, yang merangkumi buku bimbingan untuk fasilitator tempatan dan guru (peserta). Fasilitator antarabangsa HertsCam juga akan mengadakan sesi-sesi perbincangan bersama fasilitator dan wakil kesatuan setempat sepanjang tempoh satu tahun persekolahan untuk merancang dan melakukan refleksi mengenai proses perkembangan projek Learning Circles Pimpinan Guru.

Pasangan fasilitator tempatan di setiap negara bersama dengan wakil kesatuan setempat dan penyelidik tempatan akan melakukan persiapan dan menjadi fasilitator untuk Learning Circles (secara maya atau bersemuka) untuk setiap kumpulan guru dan memberi sokongan bilik darjah kepada guru-guru ini sepanjang tahun persekolahan tersebut. Sebagai sebahagian daripada projek Learning Circles, guru-guru akan (a) membentuk Pelan Tindakan untuk membimbing proses pembangunan projek dan amalan pentaksiran formatif, (b) membentuk, mengaplikasi, adaptasi dan memberi maklum balas terhadap amalan pentaksiran formatif, (c) melengkapkan refleksi berkala dalam Rekod Penyertaan, (d) melengkapkan Portfolio bukti berkaitan dengan proses kepimpinan guru dan amalan pentaksiran formatif, dan (e) menghasilkan Vignette untuk berkongsi hasil pembelajaran dan pengalaman mereka semasa dan selepas projek. Penyelidik tempatan di setiap negara akan membantu dalam proses pengumpulan data guru dan di peringkat analisis untuk membantu mereka mengenal pasti dan memperincikan amalan pentaksiran formatif yang efektif serta impak terhadap pembelajaran murid. Di peringkat antarabangsa, Jacobs Foundation dan Education International akan memupuk perkongsian ilmu di antara guru di peringkat setempat, kebangsaan dan global secara bersemuka atau maya, termasuklah Hub Serantau.

Penyelidik tempatan di setiap negara akan disokong oleh tiga penyelidik antarabangsa dari Canada, iaitu Ontario Institute for Studies in Education (OISE), University of Toronto dan Queen's Assessment and Evaluation Group, Queen's University. Penyelidik antarabangsa akan berjumpa secara maya dengan penyelidik tempatan untuk berkongsi dan bersama-sama membentuk pendekatan untuk membangunkan, implementasi, menyelidik, dan profiling amalan pentaksiran formatif yang efektif serta sokongan pembelajaran profesional dan proses pembentukan identiti profesional. Merangkumi kerangka kajian antarabangsa, penyelidik tempatan akan melengkapkan Laporan Kebangsaan (Bahagian 1: Profil Negara pada Tahun 1 dan Bahagian 2: Profil Negara Akhir pada Tahun 3), termasuklah mengenal pasti, pengekodan, dan menerangkan amalan pentaksiran formatif yang efektif serta pengalaman Projek Learning Circles Pimpinan Guru di negara mereka. Untuk melengkapkan laporan ini, penyelidik tempatan akan mengumpul dan melakukan analisis terhadap data yang diperoleh daripada guru, fasilitator tempatan, dan wakil kesatuan setempat. Di samping itu, penyelidik antarabangsa akan mengekod amalan pentaksiran formatif efektif dan proses pembentukan identiti profesional guru yang menyokong amalan pentaksiran formatif di negara-negara yang terlibat untuk menghasilkan dapatan kajian antarabangsa yang menyeluruh untuk laporan akhir pada Tahun 3.

Gambaran Keseluruhan Kajian

Tujuan utama kerangka kajian ini adalah untuk membimbing proses pengumpulan data, analisis, dan laporan bahan bukti mengenai amalan pentaksiran formatif efektif, termasuklah amalan guru, pembelajaran murid, dan proses pembelajaran profesional yang menyokong penambahbaikan amalan pentaksiran guru. Kerangka kajian ini menggunakan metodologi kajian gabungan (mixed methods) untuk menguji, membentuk dan mengekod amalan pentaksiran formatif efektif. Proses pengumpulan data dan analisis projek akan dilakukan pada tiga peringkat: bilik darjah, kebangsaan dan antarabangsa. Kerangka kajian ini boleh diadaptasikan berdasarkan kolaborasi dengan penyelidik antarabangsa dan tempatan untuk memastikan pelan dan struktur kajian yang bersesuaian diaplikasikan di setiap negara.

- 1. Peringkat Bilik Darjah:** Kerangka kajian ini akan membimbing dan membantu proses pengumpulan data serta analisis guru untuk mengenal pasti dan memperincikan amalan pentaksiran formatif yang efektif serta proses pembentukan identiti profesional guru, serta impak yang berkaitan terhadap amalan guru dan pembelajaran murid. Dapatan di peringkat bilik darjah merangkumi amalan bilik darjah guru dan pembelajaran profesional yang akan digunakan oleh penyelidik tempatan untuk menghasilkan Laporan Akhir Kebangsaan untuk projek ini.
- 2. Peringkat Kebangsaan:** Kerangka kajian ini akan membimbing dan membantu proses pengumpulan data serta analisis di peringkat kebangsaan dan antara negara-negara lain yang terlibat di dalam projek Learning Circles untuk mengenal pasti, memperincikan, dan mengekod amalan pentaksiran formatif efektif serta proses pembangunan identiti profesional guru yang memberi impak terhadap perubahan dalam amalan pentaksiran guru serta pembelajaran murid. Dapatan di peringkat kebangsaan akan digunakan untuk melengkapkan Laporan Kebangsaan (Profil Negara pada Tahun 1 dan Profil Akhir Negara pada Tahun 3), yang akan disertakan dalam analisis antarabangsa dan pelaporan akhir.
- 3. Peringkat Antarabangsa:** Kerangka kajian ini membimbing secara spesifik pengumpulan data dan proses analisis di peringkat antarabangsa untuk mengenal pasti, memperincikan, dan mengekod amalan pentaksiran formatif efektif serta kepimpinan guru dan proses pembelajaran profesional yang memberi impak kepada perubahan dalam amalan pentaksiran guru serta pembelajaran murid di tujuh negara yang terlibat.

Soalan Kajian

Kerangka kajian ini diasaskan oleh dua soalan kajian utama dan soalan-soalan berkaitan.

1. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru, apakah amalan taksiran formatif pimpinan guru yang telah dikenal pasti?

- a) Apakah amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang dipraktikkan, dan bagaimana ia diamalkan?
- b) Bagaimanakah teknologi membantu implementasi amalan pentaksiran formatif?
- c) Amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang manakah memberi maklum balas yang efektif kepada pelajar?
- d) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek amalan guru?
- e) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek pembelajaran murid?


2. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru, apakah proses pembelajaran profesional dan kepimpinan guru yang menyokong amalan pentaksiran formatif?

- a) Bagaimanakah guru disokong dari segi pemahaman, pembentukan, dan penggunaan amalan taksiran formatif?
- b) Apakah perkara yang membantu atau menghalang penggunaan efektif amalan pentaksiran formatif?

Metodologi

Pelbagai teknik metodologi akan digunakan untuk mengumpul, analisis dan kod data untuk amalan pentaksiran formatif guru yang bermanfaat kepada pembelajaran murid; dan bagaimana proses Learning Circles Pimpinan Guru telah mendorong perubahan amalan pentaksiran guru. Sumber data yang pelbagai akan dikumpul secara konsisten dan dianalisis dari setiap tujuh negara yang terlibat: Pelan Tindakan Guru; Portfolio Guru; Refleksi Guru; Vignette Guru; Laporan Kebangsaan; survey penglibatan untuk guru, fasilitator tempatan dan wakil kesatuan setempat setiap negara; serta kumpulan bersasar bersama penyelidik tempatan. Bahagian seterusnya memperincikan pelan pengumpulan data dan bahan berkaitan, rumusan kerangka kajian, dan pemetaan soalan kajian kepada sumber data antarabangsa. Untuk data yang akan dikumpul daripada guru, proses ini akan diintegrasikan semasa sesi Learning Circle berlangsung. Maklumat tambahan mengenai sumber data utama diperincikan dalam Appendix A – D. Dalam Rajah 2, gambaran keseluruhan untuk proses pengumpulan data kerangka kajian telah diperincikan.

Rajah 2. Rumusan Kerangka Kajian Pelan Pengumpulan Data



Pemetaan Soalan Kajian kepada Sumber Data Antarabangsa

Jadual 1 memetakan soalan kajian utama dan soalan-soalan berkaitan kepada sumber data antarabangsa.

Jadual 1. Soalan-soalan Kajian dan Sumber Data

Soalan Kajian	Sumber Data Antarabangsa
1. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru, apakah amalan taksiran formatif pimpinan guru yang telah dikenal pasti?	
a) Apakah amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang dipraktikkan, dan bagaimana ia diamalkan?	<ul style="list-style-type: none"> o Survey Pra- dan Pasca (Tahun 2-permulaan & akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Guru (n=210) o Survey Pasca (Tahun 2-akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Fasilitator tempatan (n=42) • Wakil kesatuan setempat (n=21) o Kumpulan Bersasar (Tahun 2-akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Penyelidik tempatan (n=7) o Laporan Kebangsaan (Tahun 1 & 3) <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian 1: Profil Negara termasuk semakan polisi semasa, amalan, dan kajian mengenai pentaksiran formatif di setiap negara. • Bahagian 2: Profil Akhir Negara termasuk identifikasi, kodifikasi, dan penerangan amalan pentaksiran formatif serta dapatan yang berkaitan dengan soalan kajian.
b) Bagaimanakah teknologi membantu implementasi amalan pentaksiran formatif?	
c) Amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang manakah memberi maklum balas yang efektif kepada pelajar?	
d) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek amalan guru?	
e) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek pembelajaran murid?	
2. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru, apakah proses pembelajaran profesional dan kepimpinan guru yang menyokong amalan pentaksiran formatif?	
a) Bagaimanakah guru disokong dari segi pemahaman, pembentukan, dan penggunaan amalan taksiran formatif?	<ul style="list-style-type: none"> o Survey Pra- dan Pasca (Tahun 2-permulaan & akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Guru (n=210) o Survey Pasca (Tahun 2-akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Fasilitator tempatan (n=42) • Wakil kesatuan setempat (n=21) o Kumpulan Bersasar (Tahun 2-akhir) <ul style="list-style-type: none"> • Penyelidik tempatan (n=7) o Laporan Kebangsaan (Tahun 1 & 3) <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian 1: Profil Negara termasuk semakan polisi semasa, amalan, dan kajian mengenai pentaksiran formatif di setiap negara. • Bahagian 2: Profil Akhir Negara termasuk identifikasi, kodifikasi, dan penerangan amalan pentaksiran formatif serta dapatan yang berkaitan dengan soalan kajian.
b) Apakah perkara yang membantu atau menghalang penggunaan efektif amalan pentaksiran formatif?	

Nota. Rujuk Appendix A untuk Kerangka Survey Guru dan Appendix B untuk Kerangka Laporan Kebangsaan yang dicadangkan.



Lampiran

Lampiran A

Pra/Pasca Kerangka Survey Guru

Sebagai sebahagian daripada pengumpulan data antarabangsa, peserta (guru) akan melengkapkan survey yang berdurasi 20 minit semasa sesi Learning Circle (pra-survey semasa Sesi 2 dan survey pasca semasa Sesi 7). Melengkapkan survey ini akan merangsang perbincangan dan refleksi semasa Learning Circles serta memupuk pembangunan profesional. Data survey guru akan dikumpulkan dan dianalisis oleh penyelidik antarabangsa untuk menghasilkan laporan akhir projek. Data survey guru merangkumi tiga bahagian berdasarkan Education International dan UNESCO's *Global Framework of Professional Teaching Standards* (2019) bersama item yang telah diubahsuai untuk konteks projek, berserta demografik. Di bawah ini disertakan outline kandungan survey guru. Survey guru ini akan dibentuk bersama-sama oleh penyelidik tempatan dan antarabangsa untuk memastikan pendekatan yang konsisten di peringkat antarabangsa, serta relevan untuk konteks negara dan pendekatan pentaksiran formatif, pembangunan profesional dan kepimpinan guru negara tersebut.

Pra/Pasca Kerangka Survey Guru (n=210)	
Bahagian 1: Pengetahuan dan Pemahaman AfL	- AfL Survey (Dublin) *diadaptasi untuk projek dan memastikan ia relevan di konteks nasional https://researchoutreach.org/wp-content/uploads/2021/12/Michael-OLeary.pdf https://pdf.ijem.com/IJEM_3_2_103.pdf
Bahagian 2: Teaching Practice in Assessment Amalan Pengajaran dalam Pentaksiran	(anggaran 10 item) - matlamat/impak pentaksiran terhadap amalan praktis dan murid - strategi berasaskan teknologi - strategi maklum balas - sokongan dan cabaran pentaksiran
Bahagian 3: Perhubungan Mengajar	(anggaran 10 item) - pengalaman/pendekatan PL terkini - proses kepimpinan guru - sokongan dan cabaran dalam amalan pentaksiran guru
Bahagian 4: Demografik	

Lampiran B

Kerangka Laporan Kebangsaan

Penyelidik kebangsaan perlu menyediakan dua laporan profil negara. Bahagian 1 (Tahun 1) adalah untuk memberi gambaran keseluruhan konteks sistem pendidikan, polisi pentaksiran, dan amalan pentaksiran formatif di setiap negara. Bahagian 2 (Tahun 3) juga merangkumi laporan Bahagian 1 yang telah dikemaskini serta bahan bukti, analisis dan dapatan dari Learning Circles Pimpinan Guru dari setiap negara untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- Dalam Learning Circles Pimpinan Guru, apakah amalan pentaksiran formatif pimpinan guru yang inovatif?
- Apakah proses pembelajaran profesional yang menyokong amalan pentaksiran formatif guru?

Di bawah adalah panduan tentang kandungan yang diperlukan (dan sumber data untuk dinilai) bagi setiap laporan. Penyelidik tempatan boleh mengadaptasi kandungan spesifik laporan mereka untuk disesuaikan dengan negara dan konteks tempatan serta apa-apa maklumat tambahan yang dirasakan perlu.

Laporan Profil Negara (Bahagian 1, Tahun 1)

Kandungan yang diperlukan:

- Rumusan sistem pendidikan kebangsaan, governan, polisi pendidikan, maklumat demografik (jumlah sekolah, jumlah murid, demografik murid), dan maklumat konteks lain yang penting untuk pembaca di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (sebagai contoh, ahli profesional, media dan pendapat umum tentang pendidikan negara);
- Rumusan dan perbincangan tentang polisi pentaksiran kebangsaan terkini (dan/atau negeri sekiranya berkaitan) merangkumi 1-2 perenggan rumusan keseluruhan polisi dari peringkat sekolah rendah dan menengah;
- Perbincangan tentang konteks pembelajaran profesional dan pembangunan profesional untuk guru mengamalkan pentaksiran formatif (penekanan kepada peringkat sekolah rendah);
- Contoh amalan pentaksiran formatif yang diamalkan oleh guru (penekanan kepada peringkat sekolah rendah);
- Sorotan kajian yang relevan kepada topik-topik di atas untuk konteks negara juga disertakan dalam laporan.

Sumber data merangkumi:

- Semakan dan analisis dasar polisi yang berkaitan dan dokumen rasmi (dan sumber dalam talian jika ada), semakan literatur penyelidikan yang berkaitan, dan bukti daripada pengamal jika ada.

Jangkaan jumlah muka surat laporan:

- Anggaran 6 ke 10 mukasurat (single-spaced lines).



Laporan Akhir Profil Negara (Bahagian 2, Tahun 3)

Kandungan yang diperlukan:

- Maklumat daripada Laporan Profil 1 (dikemas kini mengikut keperluan);
- Bahan bukti, analisis, dan dapatan untuk menghasilkan laporan yang menjawab kepada soalan kajian:

1. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru di [Negara], apakah amalan pentaksiran formatif pimpinan guru yang inovatif?

- a) Apakah amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang dipraktikkan, dan bagaimana ia diamalkan?
- b) Bagaimanakah teknologi membantu implementasi amalan pentaksiran formatif?
- c) Amalan pentaksiran formatif bimbingan guru yang manakah memberi maklum balas yang efektif kepada pelajar?
- d) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek amalan guru?
- e) Apakah faedah menggunakan pentaksiran formatif dari aspek pembelajaran murid?

2. Dalam Learning Circles Pimpinan Guru di [Negara], apakah proses pembelajaran profesional dan kepimpinan guru yang menyokong amalan pentaksiran formatif?

- a) Bagaimanakah guru disokong dari segi pemahaman, pembentukan, dan penggunaan amalan taksiran formatif?
- b) Apakah perkara yang membantu atau menghalang penggunaan efektif amalan pentaksiran formatif?

Sumber data merangkumi:

- Analisis terkini lanjut mengenai polisi yang berkaitan dan dokumen rasmi serta sorotan kajian; data daripada pembangunan dan pelaksanaan Learning Circles Pimpinan Guru, termasuk Pelan Tindakan, Portfolio, Refleksi dan Vignette yang dibuat oleh guru yang mengambil bahagian, serta sebarang pemerhatian dan bukti lanjut yang dikumpul oleh penyelidik negara semasa pelaksanaan Learning Circles. Analisis akan berusaha untuk mengenal pasti, mengodifikasi dan menerangkan amalan pentaksiran formatif yang berkesan untuk menyokong penambahaikan dalam pembelajaran murid dan mengaitkan proses pembelajaran profesional untuk menyokong amalan guru.

Jangkaan jumlah muka surat laporan:

- 20 ke 30 mukasurat (single-spaced lines).

Pasukan penyelidikan antarabangsa dan tempatan akan bekerjasama untuk membangunkan bersama pendekatan keseluruhan projek untuk pengekodan dan analisis data untuk Profil Akhir Negara dan untuk Laporan Akhir Antarabangsa. Pendekatan ini perlu mewujudkan beberapa ketekalan dalam pengekodan data merentas semua Learning Circles Pimpinan Guru dan negara, sambil fleksibel untuk menyesuaikan diri dengan konteks nasional dan tempatan tertentu.

Lampiran C

Soalan Pelan Tindakan Guru

Penyelidik dan fasilitator antarabangsa akan bekerjasama (HertsCam) untuk menambah 3-4 soalan pada rangka kerja Pelan Tindakan Guru. Soalan-soalan ini akan menyumbang kepada data kebangsaan dan antarabangsa sambil menyokong pembelajaran dan amalan profesional guru dalam projek secara serentak.

Contoh soalan termasuk:

Apakah masalah amalan yang telah saya kenal pasti di dalam bilik darjah/sekolah saya?

- Apakah bukti saya tentang masalah amalan ini?
- Bagaimanakah penilaian/penilaian formatif untuk strategi pembelajaran menangani masalah amalan ini?
- Apakah langkah seterusnya saya dalam pembelajaran penilaian dan/ atau amalan untuk menangani masalah yang dikenal pasti ini?
- Bagaimanakah saya akan tahu jika saya menangani masalah yang dikenal pasti melalui pembelajaran dan/atau amalan penilaian (iaitu, data bilik darjah apakah yang akan saya kumpul dan analisa)?

Lampiran D

Soalan Refleksi Guru

Penyelidik dan fasilitator antarabangsa (HertsCam) akan bekerjasama untuk menambah 3-4 soalan refleksi ke dalam Rekod Penyertaan pada akhir tiga sesi Learning Circles. Soalan-soalan ini akan menyumbang kepada data negara dan antarabangsa sekaligus menyokong pembelajaran dan amalan profesional guru dalam projek.

Contoh soalan termasuk:

Amalan Pentaksiran Formatif

Fikirkan strategi penilaian formatif yang anda laksanakan di dalam bilik darjah anda sejak sesi terakhir Learning Circles dijalankan...

- 1.** Huraikan strategi penilaian formatif.
- 2.** Bagaimanakah strategi penilaian formatif menyokong pengajaran anda?
- 3.** Bagaimanakah strategi penilaian formatif menyokong murid anda?

Proses Pembelajaran Profesional dan Kepimpinan Guru

Renungkan kembali penyertaan anda dalam projek pembelajaran profesional ini sehingga kini...

- 1.** Jelaskan dua perkara yang telah menyokong pembelajaran profesional dan kepimpinan anda sebagai seorang guru.



Education International
Internationale de l'Education
Internacional de la Educación
Bildungsinternationale



Hasil karya ini dilesenkan dibawah
Creative Commons Attribution-
NonCommercial-ShareAlike 4.0
International License.
(CC BY-NC-SA 4.0)

Anda dibenarkan untuk:

Berkongsi — Mencetak dan mengedarkan penerbitan ini di dalam sebarang jenis medium atau format

Ubah suai — Tukar, tambah baik, dan sesuaikan penerbitan ini mengikut keperluan at

Dengan syarat-syarat berikut:

Atribusi Hak Intelek — Anda mesti memberikan kredit dan makluman rujukan yang sewajarnya, memberikan pautan kepada maklumat lesen dan menunjukkan jika perubahan telah dibuat. Anda boleh berbuat demikian dalam apa-apa cara yang munasabah, tetapi dengan tidak menunjukkan bahawa penggunaan bahan ini menyokong pihak atau penggunaan anda.

Non-komersial — Bahan ini tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial.

ShareAlike — Sekiranya anda menukar, mengubah suai atau menambah daripada bahan ini, perubahan tersebut hendaklah dilesenkan dibawah lesen asal penerbitan ini.

Projek Learning Circles

Pimpinan Guru: Kerangka Kajian

Danielle LaPointe-McEwan
Carol Campbell
Christopher DeLuca

Jun 2022



Hasil karya ini dilesenkan dibawah Creative
Commons Attribution-NonCommercial-
ShareAlike 4.0 International License
(CC BY-NC-SA 4.0)

Diterbitkan oleh Education International - Oct. 2022
ISBN 978-92-95120-52-5 (PDF)



Education International
Internationale de l'Education
Internacional de la Educación
Bildungsinternationale

Head office

15 Boulevard Bischoffsheim
1000 Brussels, Belgium
Tel +32-2 224 0611
headoffice@ei-ie.org

www.ei-ie.org
[#unite4ed](#)

Education International mewakili
organisasi guru dan petugas pendidikan
lain di seluruh dunia. Education
International merupakan gabungan
terbesar persatuan dan kesatuan guru,
mewakili lebih tiga puluh juta dari lebih
empat ratus organisasi dari seratus tujuh
puluh negara dan wilayah di serata dunia.
Education International menyatukan guru
dan semua petugas pendidikan.